

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

10. Terdapat 11 lampu isyarat di Jalan Persekutuan dari balai polis Simpang Ampat hingga Kompleks V3.
- (a) Adakah satu kajian TIA telah dijalankan ke atas laluan ini?
 - (b) Adakah sesetengah lampu isyarat akan ditutup dan diganti dengan sistem U turn?
 - (c) Apakah tindakan terhadap persimpangan berbahaya sedia ada?.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

- 10.
- 10.(a) Kajian *Traffic Impact Assesment* (TIA) sepanjang Jalan Persekutuan yang melibatkan pelebaran FT001 telah dijalankan pada tahun 2008 semasa peringkat reka bentuk keseluruhan pelan reka bentuk pelebaran jalan FT001. Semakan semula telah dibuat pada tahun 2016 sebelum projek pelebaran fasa 5 dimulakan.
2. Satu persimpangan iaitu persimpangan FT001 - Jalan Ong

Lee Hoe (Star Avenue) di antara Valdor ke Simpang Ampat akan ditutup dan pusingan U akan disediakan. Penutupan persimpangan ini akan dibuat semasa pelaksanaan projek Fasa 5 yang kini sedang dalam pembinaan dan lampu isyarat yang

terlibat adalah di persimpangan FT001 - Jalan Ong Lean Hoe yang akan ditutup dalam projek ini.

3. Kesemua reka bentuk persimpangan di jalan-jalan Persekutuan/Negeri adalah berdasarkan Arahan Teknik Jalan dan pada setiap peringkat bermula daripada reka bentuk sehingga penyiapan, audit keselamatan jalan (*Road Safety Audit*) akan dibuat oleh *independent consultant* yang diiktiraf oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di mana aspek-aspek keselamatan jalan akan disemak dan diambil tindakan yang sewajarnya